

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**BAGI BULAN NOVEMBER 2015**

**PADA**

**20 NOVEMBER 2015**

**(JUMAAT)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin bin Abd Karim  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,  
Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke

atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

## **BAJET 2016**

2. Alhamdulillah, pada 23 Oktober 2015 yang lalu YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah membentangkan Bajet 2016 di Parlimen Malaysia. Bajet 2016 bertemakan "Mensejahterakan Kehidupan Rakyat", turut meliputi cadangan beberapa projek infrastruktur berskala besar yang dijangka akan mencergaskan sektor pembinaan negara ini. Antara projek-projek berimpak tinggi yang telah diumumkan itu ialah projek Cyber City Center bernilai RM11 bilion di Cyberjaya, bandar KLIA Aeropolis bernilai RM7 bilion, projek MRT II Sg Buloh – Serdang – Putrajaya, dan projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara ke Johan Setia, Klang.

3. Di samping itu, industri pembinaan infrastuktur juga memperoleh manfaat dari pelaksanaan projek-projek baru yang akan dimulakan pada tahun 2016 – seperti projek Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH), Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang (SUKE), Lebuhraya Pulau Indah dan juga Central Spine Road. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM900 juta bagi Projek Penyuraian Jalan Tun Razak bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur; RM200 juta untuk menaiktarafkan jalan-jalan di kawasan FELDA, dan RM1.4 bilion lagi bagi membina serta naik taraf jalan-jalan luar bandar sepanjang 700km di seluruh negara.

4. Bajet 2016 juga turut menepati hasrat dan strategi Kerajaan untuk merapatkan jurang infrastruktur di tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini dibuktikan menerusi pengumuman Kerajaan untuk mengurangkan jurang aksesibiliti antara bandar dan luar bandar di

Sabah dan Sarawak menerusi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo yang akan dilaksanakan secara intensif mulai tahun 2016.

5. Berdasarkan Bajet 2016, Kementerian Kerja Raya akan menerima peruntukan sebanyak RM5.776 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.703 bilion atau 46.8% ialah di bawah Perbelanjaan Pembangunan di mana sebahagian besar peruntukan tersebut akan digunakan bagi tujuan meningkatkan jaringan jalan-jalan utama yang lebih selamat dan selesa, seperti melaksanakan program membina dan menaik taraf jalan dan jambatan, membina jejambat bertingkat, membaik pulih cerun dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan titik hitam atau 'blackspots'.

6. Manakala sebanyak RM2.223 bilion atau 38.5% ialah peruntukan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi maksud pembayaran gaji dan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan – termasuk menyelenggara jalan-jalan persekutuan, bangunan guna sama persekutuan dan cerun. Baki peruntukan sebanyak RM850 juta atau 14.7% lagi disediakan untuk tujuan Pinjaman Mudah Kerajaan bagi pembinaan projek lebuhraya baru.

## **BANJIR LUMPUR DI LEBUHRAYA KARAK**

7. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu Kejadian banjir lumpur di KM 52.4 Lebuhraya KL – Karak (E8) pada 11 November 2015 telah mengakibatkan penutupan lebuhraya tersebut. Alhamdulillah, kejadian tersebut tidak mengakibatkan kehilangan nyawa pengguna jalanraya yang terlibat. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat yang bertungkus lumus menangani insiden ini serta tidak dilupakan Pasukan Bilik Gerakan Bencana Jabatan Kerja Raya yang beroperasi 24 jam sehari bagi

memberi bantuan dan maklumat berhubung penutupan jalan-jalan yang terlibat. Saya dengan rasa rendah diri berterima kasih kepada semua petugas-petugas Bilik Gerakan Bencana KKR/JKR serta Pusat Pengurusan Trafik (TMC) LLM yang bertungkus-lumus dan bersengkang mata memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat. Tidak lupa juga kepada **Pasukan Media Sosial KKR** yang bersama-sama membantu menghebahkan dan mengemaskini maklumat dan info-info terkini dengan pantas untuk makluman rakyat. Saya secara peribadinya sangat berpuas hati dengan tindakan proaktif pegawai-pegawai KKR dan agensi khususnya dalam menyalurkan maklumat serta peluh keringat bagi memastikan keselamatan pengguna jalanraya diutamakan. Walaupun insiden ini dapat ditangani dengan baik sehingga laluan berkenaan di buka sepenuhnya pada 14 November 2015, namun saya berharap Standart Operational Procedure (SOP) bagi menghadapi bencana sedia ada dapat diperkemas dan ditambah baik sama ada dari aspek pelan komunikasi, petugas lapangan mahupun perkhidmatan lain kepada mangsa yang terperangkap. Saya dapati insiden yang berlaku ini boleh dijadikan sebagai panduan dan dorongan kepada kita untuk menambahbaik kelemahan-kelemahan yang ada supaya perkhidmatan KKR terus relevan dan memenuhi ekspektasi rakyat.

## **PENYELARASAN KADAR TOL**

8. Pada 15 Oktober 2015 yang lalu, sebanyak 18 lebuhraya bertol telah melaksanakan penyelarasan kadar tol baru kepada pengguna lebuhraya. Kadar kenaikan diantara RM0.10sen hingga RM2.30 bagi kelas 1 sudah pastinya mendapat bantahan bagi semua pihak. Dalam keadaan ini, kementerian dan LLM bersama-sama dengan syarikat konsesi telah mengambil langkah proaktif untuk meneutralkan setiap pandangan negatif agar kenaikan kadar tol ini tidak disalah erti.

9. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengadakan rundingan dengan semua syarikat konsesi lebuhraya untuk mencari cadangan yang terbaik untuk menangani isu tol. Antara langkah yang telah diambil adalah menyemak semula Perjanjian Konsesi sedia ada yang turut meliputi penstrukturan semula kadar tol bagi membolehkan pengguna menikmati kadar tol yang lebih rendah berbanding kadar tol mengikut perjanjian konsesi asal dan pada masa yang sama menentukan syarikat konsesi yang telah mengeluarkan perbelanjaan modal yang besar bagi menyediakan kemudahan lebuhraya yang baik dapat terus beroperasi serta mampu membayar balik pinjaman komersil masing – masing dan membuat keuntungan tetapi bukannya keuntungan berlebihan (excessive profit).

10. Sebagai contoh, kadar tol di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) telah distruktur semula sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1999, 2002 dan 2011. Kadar tol yang perlu dibayar oleh pengguna kenderaan kelas 1 (kereta) di Plaza Tol Batu Tiga pada tahun 2015 mengikut Perjanjian Konsesi asal adalah sebanyak RM 2.40 berbanding kadar semasa sebanyak RM 1.10. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan dalam Perjanjian Konsesi perlu mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan Syarikat Konsesi. Selain itu, dalam mempertimbangkan langkah-langkah yang sesuai, Kerajaan perlu menghormati Perjanjian Konsesi yang ditandatangani agar terus mendapat keyakinan pelabur dan bakal pelabur supaya tidak menjejaskan sentimen pasaran pelaburan negara.

11. Ekspektasi rakyat terhadap lebuhraya pastinya melebihi jangkaan akibat daripada kenaikan kadar tol. Dengan kadar caj yang baru sudah pastinya rakyat mengkehendaki perjalanan yang lancar, selamat dan selesa. Untuk itu, kita perlu pastikan segala obligasi syarikat konsesi di

dalam penyenggaraan dan operasi lebuh raya dipatuhi. Pemantauan perlu dilaksanakan berasaskan kepada Indeks Prestasi Lebuh Raya (EPI) bagi memastikan lebuh raya berada dalam keadaan terbaik.

12. Saya ingin menekankan KKR melalui LLM perlu memastikan syarikat-syarikat konsesi sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna dari aspek keselamatan dan keselesaan bagi membuktikan lebuh raya kita antara lebuh raya terbaik di dunia.

### **ISU KEMALANGAN DI LEBUH RAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT2)**

13. Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2) dilaporkan telah mengorbankan 73 orang sejak dibuka 2 tahun lalu. Walaupun hasil kajian dan laporan menyatakan 70 peratus punca kemalangan adalah faktor manusia, namun kita mampu untuk mengawal faktor persekitaran termasuk pencerobohan haiwan ternakan dan haiwan liar yang menyumbang sebanyak 19 peratus punca kemalangan di LPT2. Analisa terhadap statistik kemalangan juga mendapati kemalangan banyak berlaku di jajaran lebuh raya yang lurus dan permukaan lebuh raya yang baik dan tidak beralun. Faktor manusia yang dikenalpasti punca kemalangan di LPT2 antaranya seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju terutamanya ketika waktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan.

14. Berdasarkan statistik kemalangan tersebut, LLM telah mengambil beberapa tindakan di sepanjang lebuh raya bagi menangani isu ini iaitu:

- i) meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuh raya oleh Peronda LPT2 bagi memantau pencerobohan haiwan ternakan liar masuk ke dalam rezab lebuh raya;

- ii) membaik pulih pagar rezab lebuh raya yang rosak akibat dirosakkan dan dipotong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- iii) memasang Gegelung Dawai Berduri (Barbed Wire) di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi haiwan ternakan;
- iv) memohon kerjasama semua agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, PDRM, Pejabat Daerah, Penghulu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Pejabat Agama Daerah serta pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- v) LLM dan JKR juga telah mengedarkan risalah kesedaran berkenaan pemantauan haiwan ternakan kepada penduduk sekitar di sepanjang LPT2; dan
- vi) pemasangan papan tanda amaran di lokasi kerap berlakunya pencerobohan haiwan;

15. LLM dan JKR juga telah mengenalpasti lokasi kerap berlakunya kemalangan terutamanya di waktu hujan di sepanjang LPT2 melibatkan lokasi air melintas dan kawasan selekoh untuk ditambahbaik. Antara cadangan penambahbaikan di lokasi berkenaan adalah:

- i) Menambahbaik permukaan pavemen menerusi penggunaan bahan-bahan khas seperti porous asphalt, micro surfacing, whisper grip & vibra line.
- ii) Membaikpulihan permukaan lebuh raya di lokasi-lokasi air melintas.
- iii) Memohon pihak PDRM, JPJ dan SPAD dan agensi-agensi terlibat melaksanakan penguatkuasaan disepanjang LPT2.



16. LLM telah sedaya upaya mengambil langkah-langkah pembaikan bagi mengurangkan kemalangan maut di LPT2. Dalam masa yang sama LLM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu mengadakan solat hajat sebagai salah satu pendekatan Islamik dalam kes sebegini. LLM sentiasa terbuka untuk menerima pandangan daripada pihak penilai bebas seperti Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) serta menjalin kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat agar kadar kemalangan maut dapat dikurangkan.

### **SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA**

17. Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keupayaan usahawan-usahawan binaan Bumiputera dipertingkatkan dari masa ke semasa, Kementerian melalui BPKU dan CIDB telah mengambil inisiatif menganjurkan “Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015” pada 3 hingga 4 November 2015 yang lalu di Shah Alam Convention Center (SACC). Program ini yang julung-julung kali diadakan mendapat sambutan di luar jangkauan dan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada CDIB, LLM dan semua pihak yang menjayakan simposium ini. Program tersebut bertujuan melahirkan kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera yang lebih berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi pendedahan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat industri binaan Bumiputera dalam pelaksanaan projek-projek agensi Kerajaan dan swasta.

18. Di samping pembentangan-pembentangan kertas kerja yang disusun, simposium ini juga telah diselitkan dengan majlis pelancaran

'Blue Pages' usahawan bahan binaan Bumiputera yang dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pada 4 November 2015. 'Blue Pages' ini bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran usahawan Bumiputera supaya kualiti dan kuantiti produktiviti mereka dapat ditingkatkan dalam industri pembinaan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pengusaha bukan Bumiputera dan syarikat asing dalam sektor pembekalan bahan binaan negara.

19. Selain itu, satu majlis makan malam juga diadakan bagi memberikan pengiktirafan kepada 22 orang kontraktor Bumiputera berprestasi tinggi dari gred G7 yang telah dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk menjalankan sebarang projek kerajaan mahu pun swasta. Kesemua pengisian bagi program ini sebenarnya merupakan suatu bentuk penghargaan kepada penggiat industri binaan Bumiputera yang selama ini telahpun menyumbang kepada perkembangan industri pembinaan negara.

### **MALAM PENGHARGAAN MEDIA 2015**

20. Alhamdulillah, untuk tahun ini KKR dan CIDB berjaya menganjurkan 3 program **Malam Penghargaan Media** yang diadakan di 3 lokasi iaitu di Kuala Lumpur, Kuching dan baru-baru ini di Kota Kinabalu Sabah. Sempena Ulang tahun ke- 20 penubuhan CIDB, KKR juga turut mencatat sejarah dengan menganjurkan Anugerah Media Pembinaan yang mengiktiraf pengamal media massa yang turut menyumbang bakti melalui karya penulisan mahupun penyiaran dalam mempertingkatkan industri pembinaan negara. Terdapat 3 anugerah yang diperkenalkan iaitu Anugerah Media Cetak, Anugerah Media Elektronik dan Anugerah Fotografi. Penyampaian anugerah kepada pengamal

media ini telah berjaya diadakan dengan penuh gemilang di Hotel Royale Chulan pada 30 Oktober yang lalu.

21. Saya yakin, kerjasama erat antara kementerian dan pihak media akan dapat memberikan impak yang positif kepada KKR khususnya perkhidmatan awam dalam menyalurkan maklumat dan pencapaian yang telah dilaksanakan melalui platform media kepada rakyat. Peranan media pada hari ini khususnya dalam pembangunan sosio ekonomi negara memang tidak dapat disangkal lagi. Memetik kata-kata panglima perang Perancis tersohor, **Napoleon Bonaparte** *“journalist is a grumbler, a censorer, a giver of advice, a regent of sovereigns, a tutor of nations. Four hostile newspapers are more to be feared than a thousand bayonets”*.

## **PERSEDIAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR**

22. Banjir merupakan bencana alam yang perlu diberi perhatian kerana bencana ini akan memberi kesan langsung terhadap kehidupan dan ekonomi penduduk negara ini. Menurut kajian oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), banjir merupakan bencana alam yang ke tiga besar yang telah banyak mengorbankan nyawa dan kerosakan harta benda. Masalah banjir di negara ini yang disebabkan banjir musim tengkujuh dan banjir kilat dijangka berterusan walaupun pelbagai langkah struktur dan bukan struktur dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesannya. Dengan pertambahan penduduk dan pembangunan yang tertumpu di lembangan dan lurah sungai yang mudah dinaiki air kejadian banjir amat sukar dielakkan. Ke kerapannya banjir pula meningkat akibat perubahan guna tanah yang mana sistem saliran

di kawasan rendah tidak mampu menampung aliran hujan lebat dan sistem saluran yang mengalami pemendapan akibat pembangunan.

23. Kementerian kita mulai sekarang perlulah bersiap siaga untuk menghadapi bencana banjir yang dijangka akan melanda negara. Pengaktifan sepenuhnya Bilik Gerakan Bencana (BGB) di seluruh negara akan dibuat apabila tiba masanya nanti mengikut SOP yang sedia ada. Bagi warga KKR dan agensi khususnya yang berada di lokasi yang berisiko mengalami bencana banjir, diharap tuan/puan dapat membuat persediaan awal. Mungkin peristiwa bencana banjir pada tahun lalu boleh dijadikan iktibar dan pengalaman berguna kepada kita semua. Pepatah lama ada menyatakan “sediakan payung sebelum hujan”. Marilah kita berdoa semoga Allah S.W.T sentiasa melindungi kita semua dari musibah dan bencana. Insyallah

24. Sebagai menghargai sumbang bakti pegawai-pegawai KKR dan JKR yang telah bertugas di Bilik Gerakan Bencana (BGB), hari ini kita akan menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada mereka yang terlibat. Tahniah dan terima kasih kita ucapkan kepada mereka.

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian,

25. Saya turut difahamkan bahawa pihak pengurusan tertinggi KKR,JKR,LLM dan CIDB telahpun selesai mengadakan “KPI Retreat” bagi menggariskan sasaran kerja tahunan bagi tahun 2016. Di bawah kepimpinan dinamik Dato’ Sri KSU dengan meletakkan cabaran-cabaran baru yang perlu digalas oleh semua warga Kerja Raya demi menentukan KKR terus relevan dan dihormati dari segi pencapaian prestasi dan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat di negara ini.

26. Saya penuh percaya, mesej jelas Dato' Sri KSU untuk kita berubah (*Change we must*), dengan memberikan tumpuan atau fokus kepada aspek-aspek teras dalam pelaksanaan projek seperti pengurusan kontrak, pengurusan risiko serta meneliti semula SOP dan aliran kerja berpaksikan kepada norma "*sense of urgency*" ke atas setiap tugas yang diberikan, insyaAllah kita akan dapat meningkatkan imej KKR sebagai sebuah kementerian yang terus dipandang tinggi dan menjadi peneraju dalam industri pembinaan di negara ini. Sehubungan ini saya menggesa supaya seluruh warga Kerja Raya untuk memberikan komitmen yang tinggi untuk menjayakan VISI dan MISI KKR ini. Yakinlah, we are the best and we have the best team to steer KKR as a leader in development of construction and maintenance industries in our country and to uphold and fulfill our motto "Towards the people's prosperity".

## **PENUTUP**

27. Akhir kata, semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Kementerian Kerja Raya

20 November 2015